

TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
KUBANG PASU
MAJLIS PELANCARAN SETELIT, PORTALPENDIDIKAN SCHOOLTOYOU
DAN BENGKEL INFOTEKNO PUSAT PENDIDIKAN KOMUNITI PARLIMEN
KUBANG PASU
18 JANUARI 2002

1. Pada hari ini masyarakat daerah Kubang Pasu dapat menyaksikan satu lagi perubahan dan kemajuan di Pusat Pendidikan Komuniti ini. Semoga perubahan ini dapat membantu pembangunan minda dan pertumbuhan ilmu penduduk dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu ini.
2. Saya mengambil kesempatan di sini merakamkan terima kasih saya kepada Schooltoyoud Sdn Bhd dan IQ Card Services Sdn. Bhd. yang telah bermurah hati membekalkan perisian portal pendidikan 'schooltoyoud'. Saya difahamkan bahawa pembelajaran secara online dengan menggunakan laman web secara interaktiviti dan multimedia dapat merangsang generasi baru pelajar yang celik internet kerana keluwesan atau flexibility persekitaran pembelajarannya. Internet membolehkan jua selagi mereka dihubungkan kepada internet. Ini bermakna bilik darjahnya adalah secara maya atau virtual, tetapi pembelajarannya adalah suatu yang nyata atau real dengan faedah-faedahnya tersedia ada, boleh dinilai sendiri dan mendapat maklum balas secara on-the spot.
3. Schooltoyoud dot com adalah portal pendidikan yang dilancarkan hari ini adalah mempunyai ciri-ciri keperluan tertentu. Ia menyediakan teknologi yang diperlukan dan solusi yang cekap bagi membolehkan pembelajaran bilik darjah secara online, serta penilaian sendiri (self assessment) secara yang tidak membosankan malah lebih produktif lagi.
4. Kebergantungan sentuhannya kepada kepakaran teknologi tempatan, membolehkan portal pendidikan Schooltoyoud mencipta aplikasi web bertaraf dunia dengan menawarkan halacarap endidikan sebagai peralatan yang mudah bagi penilaian pelajar, serta sebagai kemudahan e-learning atau pembelajaran secara elektronik. Modul penilaian dan modul bantuan ulangkaji (revision) adalah diadun secara interaktif sepenuhnya. Kemudahan ini menyemarakkan lagi keyakinan pelajar malah memperkayakan lagi keupayaan untuk meraih gred yang lebih baik dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.
5. Saya harap anak-anak yang akan menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM dapat memanfaatkan kehadiran portal pendidikan 'schooltoyoud' ini sebagai tuisyen maya (virtual tutioud) yang dapat membantu memudahkan cara pembelajaran. Semoga peratus kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan berkenaan di daerah ini akan meningkat. Malah kita juga dapat memperkayakan jumlah masyarakat yang celik internet.

6. Kita sudah memasuki era E atau era elektronik. E-Kerajaan, E-Universiti, E-Learning dan E-Commerce. Kita tidak mahu masyarakat kita tertinggal jauh dalam dunia pengkomputeran ini. Oleh itu saya menyeru kepada semua supaya dapat memanfaatkan kemudahan di pusat ini untuk kemajuan masyarakat setempat. Malah saya ingin mencadangkan di kawasan parlimen lain di negara ini juga dapat dibangunkan Pusat Pendidikan Komuniti sebagai satu konsep baru dalam pembangunan masyarakat. Dulu setiap kampung atau mukim ada balai raya, paling tidak dibawah surau kita buat dewan untuk masyarakat. Akhirnya ada balai raya yang tidak berfungsi. Namun begitu saya yakin Pusat Pendidikan Komuniti adalah satu model baru yang serasi dengan keperluan semasa. Oleh itu pengujudan Pusat Pendidikan Komuniti seperti di Kubang Pasu ini adalah perlu dikembangkan demi faedah masyarakat dan masa depan generasi akan datang.
7. Pengujudan Pusat Pendidikan Komuniti adalah sebagai satu lagi usaha membantu rakyat yang kurang mampu memiliki komputer untuk sama-sama memanfaatkan kemudahan komputer di Pusat Pendidikan Komuniti.
8. Saya yakin, portal pendidikan "Schooltoyou" ini membolehkan ibubapa dan guru secara online menyemak dan memeriksa prestasi pembelajaran anak-anak dan pelajar mereka. Portal ini adalah dalam dua bahasa (bi-lingual). Kehadiran ciri bi-lingual ini membolehkan portal ini memenuhi keperluan massa sama ada di bandar mahupun luar bandar. Malah penyertaan ibu bapa, guru dan pentadbiran sekolah melalui laman web di portal ini akan membantu ke arah pembudayaan masyarakat celik internet.
9. Schooltoyou telah bergabung dengan IQ Card Services Sdn Bhd. bagi mewujudkan kemudahan pembayaran mikro. Ini bererti portal pendidikan ini dapat dilayari melalui penggunaan kad pintar (smart card) yang berbungkal dengan beberapa aplikasi lain yang direkacipta khusus untuk kelancaran perjalanan makmal komputer dan pengurusan Pusat Pendidikan Komuniti ini. Dalam hal ini kad pintar juga menawarkan satu sistem pengurusan pusat sumber dan data system pentadbiran pusat ini. Inisiatif perintis oleh dua buah syarikat ini diharap dapat menawarkan suatu bentuk model bagi pusat pendidikan komuniti seperti ini pada masa depan.
10. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Schooltoyou Sdn Bhd dan IQ Card Services kerana bersetuju memilih Pusat Pendidikan Komuniti ini sebagai tempat menguji dan seterusnya melancar portal pendidikannya dan juga kad pintarnya. Untuk itu sekali lagi tahniah, saya sesungguhnya berbangga dengan pencapaian ini dan sekali gus membuktikan syarikat-syarikat Malaysia berkebolehan mencapai taraf dunia dan seterusnya membuktikan Malaysia Boleh!
11. Seperkara lagi ialah tentang penggunaan satelit, Pusat Pendidikan Komuniti mula melihat kemajuannya kepada teknologi tanpa wayar. Untuk itu saya ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Smart Multimedia Technology Sdn Bhd. yang bermurah hati menderma sebuah cakra gadang satelit

kepada Pusat Pendidikan Komuniti ini. Kemudahan satelit ini dapat membantu menyuraikan kesesakan penggunaan internet, serta membolehkan capaian yang lebih meluas bagi pengguna di makmal komputer di pusat ini. Saya berharap penduduk daerah Kubang Pasu ini mengambil kesempatan dari perubahan dan bertambahnya kemudahan laluan internet dan sebagainya, iaitu sebagai kesan dari penggunaan satelit ini.

12. Dari segi landscapenya, kehadiran satelit ini merupakan satu lagi mercutanda yang signifikan kepada Pusat Pendidikan Komuniti ini.

13. Sesungguhnya Universiti Utara Malaysia yang mempelopori penggunaan satelit di kawasan utara ini, malah menjadi IPTA pertama menggunakan satelit sebagai tambahan dari aplikasi gentian optik (fibre optics). Dengan adanya satelit di bangunan ini diharap UUM dapat mempelopori projek farm village tidak lama lagi. Saya berharap penggabungan aplikasi teknologi terkini di UUM dapat dikemas kini dengan keperluan di pusat ini sebagai limpahan khidmat UUM untuk masyarakat.

14. Saya yakin kerjasama pusat ini dan UUM akan terus kekal abadi demi membolehkan masyarakat menikmati perubahan teknologi semasa. Kita merasa bertuah dan berterima kasih memiliki Pengerusi Pusat ini yang juga Naib Canselor UUM bersama komitinya.

15. Di bawah kepemimpinan Prof. Dato' Dr Ahmad Fawzi Basri, Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu ini telah memperlihatkan kemajuannya. Dalam tempoh satu tahun pelbagai aktiviti telah dianjurkan sama ada di pusat ini mahupun di luar Jitra, Salah satu projek terbesar ialah Projek Kem Siber (Cyber Camp) yang diadakan di musim cuti sekolah. Saya telah menyaksikan sendiri projek perintis Kem Siber anjuran Pusat Pendidikan Komuniti ini.

16. Saya mengambil kesempatan ini mencadangkan supaya Jabatan Pendidikan Negeri Kedah ini membantu Pusat Pendidikan Komuniti ini dengan mengatur lebih banyak aktiviti kem siber ini pada setiap musim cuti sekolah bagi pelajar-pelajar sekolah di seluruh daerah negeri Kedah. Saya yakin Pusat Pendidikan Komuniti, UUM dan Jabatan Pendidikan Negeri dapat berganding bahu bagi meningkat tahap celik komputer dan internet di kalangan pelajar khususnya, kerana mereka ini adalah pewaris penting dalam era alaf baru ini.

17. Saya sudah melihat perjalanan kem siber ini. Ia dipenuhi dengan program motivasi, kepemimpinan serta pengkomputeran. Semua agensi kerajaan dan swasta serta NGO diharap dapat menaja pelajar-pelajar sekolah yang menyertai program kem siber di musim cuti sekolah sebagai satu amal bakti kepada pelajar yang dahagakan ilmu pengetahuan khususnya ilmu komputer.

18. Negara tidak dapat menentu masa depan generasi akan datang, tetapi negara dapat membentuk generasi untuk masa akan datang. ICT atau teknologi komputer dan Informasi adalah satu prasyarat dalam membentuk generasi masa depan. Ini diikuti oleh

kemahiran bahasa Inggeris yang juga menjadi asas komunikasi dalam era globalisasi ini.

19. Pusat Pendidikan Komuniti telah menyusun aktiviti bagi menyempurnakan hasrat membentuk persediaan generasi era global ini. Semua kursus komputer di sini akan disusun semula bagi membolehkan kursus kemahiran yang berkualiti diwujudkan. Peserta yang lulus akan dianugerahkan sijil kemahiran yang diiktiraf oleh majikan di seluruh Kedah khususnya dan Malaysia amnya. Sijil kemahiran komputer ini dijangka akan dapat membantu golongan remaja lepasan sekolah mendapatkan pekerjaan bagi kerjaya yang memerlukan kemahiran ICT. Begitu juga kursus komunikasi Bahasa Inggeris yang akan dijadikan modul bagi sijil kemahiran bersama ICT.

20. Menyedari ICT itu penting, Pusat Pendidikan Komuniti juga mengusahakan satu lagi aktiviti baru untuk golongan belia dan beliawanis, iaitu projek Tekno Inkubator - iaitu kursus kemahiran pemasangan dan membaik pulih komputer. Tekno Inkubator adalah projek menghasilkan usahawan kecil dalam dunia pengkomputeran.

21. Bengkel Tekno Inkubator yang dilancarkan hari ini akan menjadi satu lagi kejayaan Pusat Pendidikan Komuniti. Saya yakin golongan remaja lepasan sekolah segera merebut peluang ini. Tekno Inkubator akan terlibat sebagai vendor pemasangan komputer, Dalam konteks ini saya yakin Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapat menyediakan dana bagi membolehkan Pusat Pendidikan Komuniti ini melatih belia daerah ini dalam perkakasan komputer. Semoga dengan cara itu kita dapat melahirkan sejumlah usahawan bidang pengkomputeran pada masa terdekat ini.

22. Saya difahamkan UUM sedang memperhebatkan projek pemasangan komputer 'Serindit'nya. Diharap pihak UUM dapat menimbangkan Pusat Pendidikan Komuniti ini dijadikan vendor atau anak payungnya. Melalui projek Tekno Inkubator ini, lebih ramai lagi vendor dapat dilahirkan.

23. Saya yakin selain daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pihak KWSP juga dapat melihat agar komputer Serindit dapat dipasarkan bersama jenama lain. Jika serindit dapat diterima dalam projek pinjaman pembelian komputer EPF, ia akan membolehkan bekas peserta kursus di Tekno Inkubator ini menjadi Vendor kepada projek pemasangan Serindit. Saya yakin Serindit dapat menjadi jenama komputer berkualiti sekurang-kurangnya di kawasan utara Semenanjung ini.

24. Saya amat gembira kerana pada hari ini saya melihat kesan positif dari penubuhan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu ini. Dari sebuah pasar menjual ikan dan sayuran untuk keperluan harian, kita telah jadikan bangunan itu tempat menjual ilmu komputer dan ilmu kemasyarakatan yang menjadi keperluan generasi era globalisasi ini. Kalau dulu pasar ini tempat penjaja mencari rezeki dan menyabung hidup, kini bangunan ini tempat kita memperkayakan diri dengan kualiti yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan yang lebih mencabar pada masa akan datang.

25. Saya juga ingin mengumumkan bahawa mulai hari ini Pusat Pendidikan ini akan diletakkan dibawah pengurusan Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu daripada Kelab Penggerak Masyarakat yang dibubar sebaik sahaja Yayasan ini diwujudkan. Saya berdoa semoga Yayasan ini akan dapat menyempurnakan objektif penubuhan demi pembangunan masyarakat Kubang Pasu ini. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam Kelab Penggerak Masyarakat yang merintis jalan sehingga tertubuhnya pusat ini. Semoga Jawatankuasa Pengurusan Pusat ini dapat menggerakkan aktiviti secara lebih dinamik dan berkesan lagi.

26. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang membantu Pusat Pendidikan Komuniti ini, iaitu: YB Dato Dr. Jamaluddin Jarjis Pengerusi Tenaga Nasional Berhad serta Yayasan Tenaga Nasional atas bantuan tenaga letriknya; YBhg Tan Sri Dato Syed Mukhtar Al-Bukhary dan Yayasan Al Bukhary atas bantuan kewangan kepada pusat ini; Yang Dipertua Majlis Daerah Kubang Pasu yang mengizinkan bangunan pasar dijadikan Pusat Pendidikan Komuniti ini, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Pembangunan Negeri Kedah serta semua pihak yang membantu dan menjayakan Pusat Pendidikan Komuniti ini.

27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan dengan rasminya portal pendidikan "Schooltoyou", mercutanda satelit, dan bengkel Tekno Inkubator Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu.